



# UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

BEND20110908- KB2241

8 September 2011

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Utara Malaysia

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2011

Tuan/Puan,

### PENGUATKUASAAN PEROLEHAN MENGGUNAKAN BORANG PERMINTAAN PESANAN

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

Untuk makluman tuan/puan, Jabatan Bendahari mendapati semakin banyak Pusat Tanggungjawab menguruskan perolehan barang, perkhidmatan dan kerja tanpa mengikut peraturan perolehan yang berkuatkuasa.

Sehubungan dengan itu, satu pekeliling berkaitan perolehan melalui Pesanan Belian ( PO ) dikeluarkan ( sebagai tambahan kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan UUM sedia ada ) untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh pihak tuan/puan.

Perhatian dan tindakan pihak tuan/puan berhubung perkara ini sangat dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

**ILMU BUDI BAKTI'**

Saya yang menurut perintah

  
**HAJI AMRON MAN**  
Bendahari  
Universiti Utara Malaysia

s.k. :- Naib Canselor  
Semua Timbalan Naib Canselor



**MSC**  
MALAYSIA  
Status Institution

- 3.1.2 Dapat mengelakkan masalah peruntukan tidak mencukupi terutamanya pada akhir tahun.
  - 3.1.3 Kawalan bajet dapat dipantau dengan lebih cekap dan berkesan.
  - 3.1.4 Dapat memantau status tanggungan yang belum berbayar melalui sistem kewangan.
  - 3.1.5 Dapat memastikan peraturan pembelian terus dipatuhi.
- 3.2 Di samping itu, sesuatu aktiviti yang hendak dijalankan oleh setiap PTJ sepatutnya telah dirancang dan ditetapkan perbelanjaannya terlebih dahulu sebelum ianya dapat dilaksanakan.
- 3.3 Bagi perbelanjaan kecil yang tidak melebihi RM200.00 di dalam satu resit, sebagai contoh bayaran banner, pembekal makanan dan lain-lain yang berkaitan, pembayaran boleh dibuat melalui peruntukan Panjar Wang Runcit PTJ masing-masing.

#### 4. PENGUATKUASAAN

- 4.1 Sehubungan dengan itu, untuk mengatasi masalah-masalah di atas, semua perolehan / pembelian yang melebihi RM1.000.00 hendaklah dibuat melalui Pesanan Belian (P.O) kecuali untuk pembelian bekalan / perkhidmatan tertentu yang dibenarkan sahaja..
- 4.2 Sehubungan dengan itu, **mana-mana pembelian yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan di bayar dan pihak Pusat Tanggungjawab hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya keatas perbelanjaan berkenaan.** Peringatan ini diharapkan dapat membantu semua PTJ melaksanakan sepenuhnya peraturan ini.
- 4.3 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.